

17/02/1999

Chirac tidak minat masalah politik Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Perancis, Jacques Chirac tidak berminat dengan apa yang berlaku dalam politik Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Tidak seperti sesetengah orang yang suka mengarahkan kita bagaimana untuk mentadbir negara, beliau (Chirac) menganggap masalah dalaman sesebuah negara itu tiada kena mengena dengannya," katanya selepas menghadiri jamuan tengah hari Tahun Baru Cina anjuran Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada hal ehwal dalaman Malaysia dibangkitkan ketika pertemuannya dengan Chirac di Istana Elysee, Paris sekembalinya daripada menghadiri Sidang Kemuncak G-15, Sabtu lalu.

Dr Mahathir berkata, Chirac tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain kerana ia tiada kena mengena dengan beliau.

Perdana Menteri juga turut ditanya mengenai perkembangan terbaru panel peguam Umno yang ditubuhkan khas bagi membanteras tuduhan palsu terhadap parti itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang turut menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno dan bersama Dr Mahathir pada sidang akhbar itu menjelaskan, senarai anggota panel berkenaan akan dikemukakan kepada Presiden pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno bulan depan.

(END)